



**MINIT MESYUARAT KHAS
PEMBENTANGAN LAPORAN PEMERIKSAAN
TAHAP KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) TEMPAT KERJA
DAN LAPORAN KAJIAN AUDIT DALAM**

**JAWATANKUASA INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
KALI PERTAMA BIL. 1/2017**


Tarikh : 21 Disember 2017 (Khamis)
Masa : 2.30 petang – 4.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama HEPA, UMT
Senarai Kehadiran : Lampiran Kehadiran

MINIT	PERKARA / PENJELASAN	TINDAKAN
1/4/2017	ALUAN YBHG. Pengerusi	
	<p>Y.Bhg Pengerusi dalam aluannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Memulakan mesyuarat dengan bacaan surah Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. b) Memohon agar aktiviti pemeriksaan KKP dapat dilaksanakan secara menyeluruh di Universiti dan tidak tertumpu kepada makmal sahaja. c) Hal ehwal keselamatan dan kesihatan pekerjaan seharusnya berada di bawah pengurusan satu jawatankuasa induk sahaja yang mana ia merangkumi kerjasama antara Jawatankuasa Induk KKP UMT dengan Jawatankuasa Bencana UMT bagi mewujudkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) dan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) pada masa akan datang. d) Pembentukan ERP dan ERT akan diketuai dan digalas oleh Jawatankuasa Bencana. Jawatankuasa tersebut telah pun ditubuhkan dan perliantikan rasmi ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat masih dalam proses perlaksanaan. e) ERP dan ERT peringkat Universiti akan dibentuk secara menyeluruh dan terperinci serta mengambilkira penyertaan dan juga peranan Bahagian Keselamatan UMT. f) ERP dan ERT yang dibentuk akan dilaksanakan bagi melihat proses pelaksanaannya secara menyeluruh dan proses penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa. Proses ini memerlukan masa untuk lengkap sepenuhnya. g) Jawatankuasa KKP Induk UMT, Jawatankuasa Bencana UMT dan Pusat Kesihatan Universiti akan mengadakan satu bengkel pendek atau seumpama dengannya untuk berbincang mengenai keperluan kecemasan di semua PTj dan mengkaji beberapa contoh pelan kecemasan daripada institusi lain yang berkaitan sebagai panduan. h) Setiap PTj atau bangunan perlu menyediakan pelan laluan kecemasannya (evacuation plan) sendiri untuk memudahkan pengungsian bangunan sekiranya berlaku kecemasan. Dalam pelan laluan kecemasan tersebut, perlu dinyatakan laluan-laluan kecemasan yang selamat, lokasi-lokasi peralatan kecemasan, tempat berkumpul dan sebagainya. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

<p>2.2/4/2017</p>	<p>Ketidakpatuhan Yang Berulang atau Tertangguh Untuk ketidakpatuhan yang masih berulang atau tertangguh dan sukar untuk diperbetulkan, maka mesyuarat bersetuju agar ia boleh dibawa ke peringkat pengurusan yang lebih tinggi iaitu Jawatankuasa Pegawai Kanan dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk dibincangkan bagi mencari penyelesaian yang terbaik.</p>	<p>Setiausaha</p>
<p>2.3/4/2017</p>	<p>Peruntukan Kewangan Bagi Aktiviti KKP Berkenaan dengan ketiadaan peruntukan kewangan khas yang disediakan bagi menjalankan aktiviti KKP, mesyuarat bersetuju untuk membawanya ke Jawatankuasa Kewangan Universiti bagi memohon peruntukan yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, kertas cadangan yang berkaitan perlu disediakan bagi tujuan tersebut.</p>	<p>Setiausaha</p>
<p>3/4/2017</p>	<p>HAL-HAL LAIN</p>	
<p>3.1/4/2017</p>	<p>Penubuhan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMT (UKKP UMT) Mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan penubuhan UKKP di UMT dengan mengambilkira tiada berlakunya pertambahan dalam perjawatan. Ini adalah kerana peruntukan perjawatan yang sedia ada telah pun melebihi peruntukan sebenar. Adalah disyorkan supaya mereka yang akan dilantik nanti adalah terdiri daripada para pegawai yang sedia ada dan bersifat "multitasking". Sehubungan dengan itu, satu kertas cadangan perlu disediakan yang mana ia mengandungi senarai nama, maklumat staf dan sebagainya yang telah dikenalpasti untuk penglibatannya ke dalam unit tersebut.</p>	<p>Setiausaha</p>
<p>3.2/4/2017</p>	<p>Pemeriksaan KKP Kendiri Peringkat PTj Secara Berkala Urusetia Jk Induk KKP UMT mencadangkan agar semua PTj dapat menjalankan pemeriksaan KKP sendiri bagi tempoh 6 bulan yang pertama dan hasil pemeriksaannya hendaklah dibincangkan dalam mesyuarat JKPP di peringkat PTj. Untuk tempoh 6 bulan yang seterusnya pula, laporan pemeriksaan yang telah diluluskan itu hendaklah dilaporkan pula dalam mesyuarat Jk Induk JKPP.</p>	<p>Makluman</p>
<p>3.3/4/2017</p>	<p>Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) PTj Dimaklumkan bahawa mana-mana PTj yang belum mempunyai pelan tindakan kecemasan atau ingin menambahbaik lagi pelan yang sedia ada boleh juga merujuknya di laman sesawang Makmal Berpusat.</p>	<p>Makluman</p>

3.4/4/2017	Terma Rujukan PTj Dimaklumkan juga mana-mana PTj yang belum menyediakan Terma Rujukan (TOR) bagi jawatankuasa KKP PTj hendaklah menyediakannya dengan seberapa segera. Ia merupakan keperluan utama yang diambilkira dalam pemeriksaan audit KKP peringkat Universiti oleh Bahagian Audit Dalam UMT	Makluman
4/4/2017	PENANGGUHAN MESYUARAT	
4.1/4/2017	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.00 petang disertai ucapan Selamat Tahun Baharu dan dengan bacaan surah Al-'Asr dan tasbih kaffarah.	

Disediakan oleh :



.....
(MOHD KAMRI BIN MAMAT)

Urusetia / Pencatat

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan II

Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Malaysia Terengganu

Disahkan oleh :



.....
(PROF. MADYA DR. CHE MOHD RUZAIDI BIN GHAZALI)

Pengerusi

Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Universiti Malaysia Terengganu

Kehadiran:

Hadir:	
Prof. Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali	Pengerusi
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	
En. Mohd Kamri bin Mamat	
Pn. Nor Faizah binti Adam	
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	
Cik Norazlina Binti Abdul Aziz	
Cik Nusaibah Binti Yusof	
En. Mohd Yusri bin Mirang	
Pusat Pengajian Sains Asas	
Pn. Nasrenim Binti Suhaimin	
Pn. Maizatul Akmal Binti Ab. Rahman	
En. Mohd Zaidi Bin Yahaya	
Pusat Pengajian Sains Dan Teknologi Makanan	
Pn. Nor Atikah Binti Mohamed Zin	
En. Khairul Syamir Bin Mohd Sabri	
En. Mohd Ridzuan Bin Yusof	
Institut Bioteknologi Marin	
En. Sainol Aimi bin Saidin	
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	
Pn. Shaharul Suhaila Binti Ismail	
En. Mahamad Nasir Bin Abdullah	
Institut Oseanografi dan Sekitaran	
En. Suhairi Bin Mazelan	
Institut Akuakultur Tropika	
Pn. Rohana Binti Saaban	
Pusat Kesihatan Universiti	
En. Muhammad Zulhilmi Bin Ramlee	
Pn. Fatimah Binti Ali	
Pn. Nor Ziana Binti Husin	
Makmal Berpusat	

Tidak Hadir (Dengan Kenyataan):

Pn. Suzana Binti Sukri

En. Khairul Anuar bin Kamarudin

En. Shahrol Idham bin Ismail

Pusat Pengajian Sains Perikanan Dan Akuakultur

En. Zulkifly bin Mohamed Adnan

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Pn. Zulizah binti Ochi

Institut Akuakultur Tropika

En. Azahari bin Muda

Pusat Pengajian Sains Marin Dan Sekitaran

Turut Hadir:

En. Mohd Azman Bin Yusoff

Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

